



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)

PELAWAAN MEMBERI CADANGAN *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)*

PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN / *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)* LADANG TERNAKAN UNTUK PENTERNAK RUMINAN

NO RUJUKAN: JPV / PKT / 600-2/3 JLD 3 (32)

DVS berhasrat untuk memastikan pengoperasian dan pengeluaran optimum daripada sebahagian infrastruktur Ladang Satelit Nasional (LSN) dan ladang ternakan yang telah dibangunkan kerajaan yang terletak di Johor, Negeri Sembilan, Terengganu, Kedah, Pahang dan Perak bagi projek penternakan lembu atau kerbau secara fidlot, pembiakan ataupun tenusu melalui kaedah sewaan ladang berkenaan kepada pengusaha yang berminat.

Syarikat atau individu yang mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek dalam bidang ini adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek. Dokumen lanjut berkaitan format penyediaan kertas cadangan projek (RFP) dan syarat-syarat berkaitan boleh diperolehi di kaunter Seksyen Pentadbiran, Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lot 4G2, Wisma Tani, Presint 4, Wilayah Persekutuan, Putrajaya atau laman web Jabatan: <http://www.dvs.gov.my>.

Dokumen cadangan projek yang lengkap hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos kepada Urusetia Unit Projek Berimpak Tinggi (HIP) selewat-lewatnya sebelum atau pada **14 Julai 2017 (Jumaat)** jam 12.00 tengah hari kepada alamat berikut:

**Unit Projek HIP
Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan
Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Lot 4G2, Wisma Tani
62630, Putrajaya**

DVS tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen yang dipos dan tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan.

Sebarang penjelasan lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi pegawai berikut:

Dr. Hj. Ahmad Nazri B. Abdul Rahman	03-88702474	ahmadnazri@dvs.gov.my
Dr. Siti Zubaidah Bt. Che lem	03-88702422	zubaidahchelem@dvs.gov.my
En. Mohd. Zaharim B. Awang	03-88702434	mir@dvs.gov.my

*makluman ini juga boleh didapati melalui **Laman Web DVS** <http://www.dvs.gov.my>

PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN / REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

SEWAAN LADANG SATELIT NASIONAL (LSN) & PUSAT TERNAKAN HAIWAN (PTH) KERAJAAN BAGI PROJEK TERNAKAN LEMBU / KERBAU PEDAGING ATAU TENUSU

Syarikat atau individu yang mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek dalam bidang ini secara **sewaan** di lokasi yang tersenarai di bawah adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) seperti ketetapan berikut:

1. Maklumat Asas Senarai Lokasi Ladang Satelit Nasional (LSN) & Pusat Ternakan Haiwan (PTH) Untuk Cadangan Projek

Negeri	Lokasi	Keluasan (hektar)	Unit kandang	Purata keluasan & kapasiti kandang	Kapasiti per kandang (ekor)	Luas kawasan setiap plot / per peserta
NEGERI SEMBILAN	Kg. Londah, Gemas	128.3	12	180 ka x 60 ka	180 – 200 ekor	20 ekar
	Kg. Semerbok	37.1	4			20 ekar
	Kg. Kuala Jerang	47.8	4			20 ekar
	Kg Ulu Ladang	41.5	2			20 ekar
	Kg Air Kuning	110.48	6			20 ekar
JOHOR	Bukit Keruing	32	4	240 ka x 60 ka	200-250 ekor	20 ekar
	Lubuk Bakul	48	6			20 ekar
	Ulu Bakri	24	3			20 ekar
	Bangas	24	3			20 ekar
	Peta Temalik	40	5			20 ekar
PERAK	*Gelung Pepuyu	20	2			–
KEDAH	* Sg. Laka	100.6	4			–

KELANTAN	Tanah Merah	40	4		40 ekar
PAHANG	* Cherating	30.59 1	5		–
TERENGGANU	Cermin Kiri	42	2		50 ekar
	Tersat	80	6		15 ekar

*Kawasan foder tiada pembahagian plot individu

- Kebanyakan lokasi ladang mempunyai kemudahan infrastruktur asas seperti kawasan bagi tanaman foder, jalan ladang, generator atau bekalan elektrik dan tubewell atau kolam takungan bagi bekalan air serta stor makanan ternakan, stor baja dan pejabat.
- Pengusaha perlu bersedia menanggung sendiri kos naiktaraf, penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan infrastruktur asas ladang ini mengikut keperluan bagi memastikan operasi ladang dapat berjalan lancar.
- Pengusaha perlu mematuhi syarat- syarat sewaan yang ditetapkan oleh kerajaan apabila beroperasi kelak.

2. Penyediaan Dokumen RFP

Dokumen RFP perlu disediakan mengikut format dan kandungannya seperti berikut:

- a. Ringkasan eksekutif mengenai pendekatan pelaksanaan projek.
- b. Maklumat latarbelakang asas, pendidikan, pengalaman dan kemahiran bagi pemohon individu atau;
- c. Maklumat latarbelakang pengurusan, pengalaman dan perniagaan syarikat termasuk saiz syarikat dan keupayaan teknikal bagi pemohon syarikat;
- d. Salinan kad pengenalan bagi pemohon individu atau salinan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Borang 24, Borang 49 bagi pemohon syarikat;
- e. Keupayaan kewangan;

Penyataan komitmen, anggaran kuantum dan perancangan pelaburan yang akan dibuat bagi projek yang merangkumi aspek berikut:

 - i. pelaburan awal (pembelian ternakan, pembaikan dan naiktaraf infrastruktur ladang, jentera dan peralatan)
 - ii. Modal pusingan dan kos operasi
 - iii. Sumber kewangan (sila lampirkan penyata akaun bank, kemudahan overdraf atau kelulusan pinjaman bank jika ada).
 - iv. Komitmen dan tawaran bayaran sewaan yang sedia untuk dibayar kepada kerajaan bagi:
 - a. Sewaan kandang dan premis : RM / bulan / unit

kandang

- b. Sewaan tanah : RM / tahun / hektar
- v. Pemohon disyaratkan mempunyai keupayaan modal minima bagi pelaburan mengikut projek seperti berikut:
 - a. Fidlot : RM 1 juta bagi pusingan pertama serta RM 100,000 bagi pembaikan infrastruktur dan peralatan berkaitan bagi memulakan projek;
 - b. Pembiakan: RM 500,000 atau 100 ekor induk pembiak sediaada serta RM 100,000 bagi pembaikan infrastruktur dan peralatan berkaitan bagi memulakan projek
 - c. Tenusu : RM 500,000 atau 50 ekor induk perah sediaada serta RM 100,000 bagi pembaikan infrastruktur dan peralatan berkaitan bagi memulakan projek
- f. Lokasi tapak projek dan bilangan unit kandang yang ingin dipohon;
- g. Jenis ternakan, sistem pengeluaran , aliran fizikal dan tunai, pelan pemasaran dan carta perbatuan projek
- h. Pelan pengeluaran dan sasaran pendapatan projek (seperti di lampiran 1)
- i. Kepakaran/keupayaan tenaga kerja syarikat / individu.
- j. Pengalaman dalam bidang berkaitan termasuk senarai projek yang telah dilaksanakan.
- k. Cadangan langkah-langkah menangani risiko seperti kenaikan kos input, kesediaan bekalan dan kualiti makanan ternakan, kejadian penyakit ternakan, isu-isu pelaksanaan dan risiko kewangan yang terlibat; dan
- l. Brosur dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

3. Terma & Syarat

- a. Segala kos yang terlibat didalam penyediaan dokumen dan urusan RFP ini perlu ditanggung sendiri oleh pihak pemohon.
- b. Pemohon adalah bertanggungjawab dan perlu mempunyai inisiatif sendiri membuat segala kajian terperinci terhadap setiap aspek pelaburan dan mengemukakan maklumat yang terkini dan sahih dalam kertas cadangan ini
- c. Cadangan yang dihantar pemohon akan diteliti dan diproses mengikut tatacara dan peraturan yang berkaitan pengurusan dan penyewaan aset kerajaan
- d. Pemohon yang berkelayakan dan memenuhi syarat akan dipanggil bagi proses pemilihan selanjutnya tertakluk kepada kekosongan lokasi ladang yang dipohon dari semasa ke semasa

- e. DVS tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan. dan kerajaan tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian dan implikasi yang dialami pemohon berkaitan pelawaan RFP ini
- f. Pemohon yang tidak dihubungi semula selepas bulan September 2017 bolehlah menganggap permohonannya tidak berjaya.

UNJURAN PENGELUARAN PROJEK SEBAGAI UKURAN PENANDA ARAS UTAMA (KPI) BAGI PEMANTAUAN PRESTASI PROJEK

Jenis Projek	Sasaran KPI	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Projek Lembu Fidlot	a. Bilangan lembu <i>feeder</i> dibawa masuk (ekor)			
	b. Bilangan lembu fidlot dijual / dikeluarkan (ekor)			
	c. Hasil pendapatan projek (RM)			
	d. Keluasan tanaman foder diusahakan (ekar)			
	e. Hasil tuaian foder (Mt.)			
Projek Lembu Breedlot	a. Bilangan induk ditenak (ekor)			
	b. Bilangan kelahiran anak (ekor)			
	c. Hasil pendapatan projek (RM)			
	d. Keluasan tanaman foder diusahakan (ekar)			
	e. Hasil tuaian foder (Mt.)			
Projek Lembu Tenusu	a. Bilangan induk ditenak (ekor)			
	b. Bilangan kelahiran anak (ekor)			
	c. Jumlah pengeluaran susu (liter)			
	d. Hasil pendapatan projek (RM)			
	e. Keluasan tanaman foder diusahakan (ekar)			
	f. Hasil tuaian foder (Mt.)			
Aktiviti Sampingan Lain	Nyatakan kuantiti pengeluaran & unjuran hasil pendapatan mengikut aktiviti yang dilaksanakan (RM)			

Tandatangan Wakil Syarikat:
Nama, Jawatan & Cop:

Tarikh:

Tandatangan Saksi Jabatan
Nama & Jawatan:

Tarikh: